

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 37

Kerajaan stabil selepas PRU15 perkukuh fiskal negara

Kerajaan stabil selepas PRU15 perkukuh fiskal negara

Pelaksanaan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) yang awal jika berpotensi mewujudkan kerajaan yang stabil adalah aspek penting dalam membolehkan penjanaan hasil fiskal yang meluas, terutama melalui peralihan kepada cukai tidak langsung, demikian mengikut Maybank Investment Bank (Maybank IB).

Dalam nota penyelidikan, Maybank IB berkata PRU15 yang awal adalah dijangka selepas momentum yang kukuh dijana daripada pilihan raya negeri Melaka pada November 2021, apabila gabungan Barisan Nasional (BN) yang diterajui UMNO memenangi majoriti dua pertiga, diikuti pilihan raya negeri Johor yang diadakan pada hujung minggu lalu yang memperoleh satu lagi kemenangan untuk BN.

Penganalisisnya, Anand Pathmakanthan dan Wong Chew Hann, berkata situasi gabungan pemerintah nasional semasa dan impaknya terhadap penggubalan dasar dan kesesuaianya pada peringkat makro dan pasaran, adalah amat mencabar.

Katanya dinamik fiskal yang terjejas, mengikut Bajet 2022, pelaksanaan cukai atau levi yang ad hoc, terutamanya kepada sektor korporat seperti Cukai Makmur, menyebabkan pendapatan petunjuk pasaran FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) merosot dalam anggaran 2022.

"Walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan berkembang sebanyak 6.0 peratus yang telah menjelaskan sentimen perniagaan dan pelabur serta meningkatkan premium risiko pasaran," kata mereka.

Penganalisis itu berkata, FBM KLCI menikmati prestasi relatif dalam tempoh awal tahun kewangan hingga setakat ini berbanding pasaran maju dan rakan setara ASEAN berikutnya Malaysia memanfaatkan secara positif komoditi seperti lonjakan harga minyak dan gas, aluminium dan minyak sawit mentah (MSM), dengan saham yang berkaitan menyumbang 24 peratus daripada permodalan KLCI.

"Bagaimanapun, jumlah itu kurang jelas pada peringkat makro. Walaupun ia positif untuk KDNK dan perdagangan, kenaikan fiskal terjejas oleh subsidi harga bahan api," kata mereka.

Mereka berkata sebarang pelarasan kepada subsidi bahan api hanya dilihat selepas PRU15 dan dijangka progresif (bukan menggantikan pembaharuan cukai struktur).

Kedua-dua penganalisis itu mengekalkan sasaran FBM KLCI pada 1,710 untuk akhir 2022.

BERNAMA